

Selamatkan S'gor 2 jawab 'sodomy tour' Anwar
Malaysiakini.com
October 14, 2010

Umno Selangor akan mengadakan siri jelajah Selamatkan Selangor Darul Ehsan (SSDE) untuk pusingan kedua, antaranya bagi menjawab kenyataan Datuk Seri Anwar di luar negara yang didakwa mencerca sistem pemerintahan negara.

Timbalan Pengerusi Umno negeri Datuk Seri Noh Omar berkata antara perkara yang akan diketengahkan, antaranya berhubung "isu peribadi dan moral" pemimpin Pakatan Rakyat, dakwaan penyelewengan wakil rakyatnya serta urus tadbir anak syarikat kerajaan negeri.

"Antara itu yang mutakhir yang jelas mengguris perasaan rakyat Selangor ialah isu Penasihat Ekonomi Selangor Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan 'sodomy tour' hingga ke Eropah baru-baru (ini) yang menimbulkan banyak persoalan di kalangan rakyat Selangor.

"Penghinaan dan cercaan ketua pembangkang ini di media-media antarabangsa terhadap sistem pemerintahan di negara ini juga akan merugikan negeri Selangor sebagai negeri yang paling maju di negara ini," kata Noh (*kiri*).

Kenyataan Anwar mengenai Malaysia di luar negara sering dianggap memburukkan imej negara, tertamanya oleh oleh pemimpin BN.

Semalam, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman semalam dilaporkan berkata beliau kesal dengan hasil wawancara Anwar dengan *TVOne* di Indonesia kelmarin.

Menurut *Bernama*, semasa diwawancara stesen televisyen republik itu, Anwar didakwa berkata bahawa pertikaian Malaysia-Indonesia boleh diselesaikan dalam beberapa minggu sekiranya beliau menjadi perdana menteri.

Sebelum ini, Umno negeri itu melancarkan SSDE kali pertama yang melibatkan 19 program di 19 bahagian Umno di negeri itu bermula 23 Julai lalu, antaranya berkisar isu perlombongan pasir.

Dalam satu kenyataan hari ini, Noh berkata program itu akan bermula esok di Subang Perdana dengan disertai Setiausaha Umno negeri Datuk Satim Diman, dua bekas pemimpin Pemuda PKR (AMK) - Senator Ezam Mohd Nor dan Lokman Nor Adam - dan seorang ustaz Ahmad Najib.

Sementara pada 16 Oktober (Sabtu) pula, majlis penerangan berlangsung di Dewan Bunga Kertas di TTDI Jaya Shah Alam, kata Noh yang juga menteri pertanian dan industri asas tani.

Menurutnya lagi, selain Satim dan Ezam, diketengahkan juga exco Pemuda Umno Datuk Suhaimi Sahadan dan seorang ustaz Rosdi Long.

Kedua-dua majlis tersebut bermula jam 9 malam.

Sehubungan itu, Noh yang juga ahli parlimen Tanjong Karang berkata Umno yakin siri jelajah ini dapat memperjelaskan isu-isu terkini yang sangat rapat dengan kepentingan rakyat negeri itu.

"Umno Selangor komited melaksanakan roadshow SSDE 2 secara berterusan bagi

membongkar penyelewengan, kelemahan serta kepincangan Pakatan Rakyat selama hampir tiga tahun memerintah negeri Selangor," kata Noh lagi.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145362>